



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.9/2024  
PADA 25 SEPTEMBER 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
  - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
  - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
  - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;
  - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;

- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
  - VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
  - VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
  - VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
  - IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
  - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
  - XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;
3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memperkenalkan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam pada 10 September 2024 yang lalu semasa Majlis Aspirasi Kepimpinan Ketua Setiausaha Negara Bersama Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Tahun 2024.
  
5. Keutamaan YBhg. Tan Sri Dato' Sri KSN adalah melaksanakan pembaharuan atau reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 yang memberi tumpuan kepada lima Bidang Keberhasilan Reformasi (BKR) dan diperkasakan dengan 20 strategi. Lima BKR tersebut ialah :-
  - i. Penghayatan Nilai dan Tatakelola ;
  - ii. Pembangunan Modal Insan ;
  - iii. Pembangunan Organisasi ;
  - iv. Penyampaian Perkhidmatan ; dan
  - v. Memperkasakan Sinergi Awam dan Swasta

6. Beliau turut menekankan BKR bersifat “*low hanging fruits*” iaitu mudah dicapai selain ada yang memerlukan pelaksanaan dalam tempoh jangka sederhana dan panjang. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan perkara ini, saya meminta semua pihak termasuk Ahli Majlis dan Ketua Jabatan serta Ketua Unit untuk menggunakan pendekatan yang telah Ketua Setiausaha Negara perkenalkan iaitu “*A/ Strategy (Associated and Integrated Strategy)*” atau Strategi Bersepadu dan Bersekutu.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI JEPUN SEMPENA PROGRAM "18TH MAJLIS BELIA NEGERI SEMBILAN (MBNNS) - TOCHIGI-KEN SEINEN KAIKAN *FOUNDATION* (TSKF), JAPAN *YOUTH EXCHANGE*" KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

7. Majlis Bandaraya Seremban dalam usaha untuk menggiatkan lagi promosi Pesona Seremban untuk menarik lebih ramai pelancong daripada luar negara datang ke Negeri Sembilan terutamanya ke Seremban dan Nilai. Terkait dengan itu, pada 10 September 2024 Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya bagi menerima Kunjungan Hormat Delegasi Jepun Sempena Program "18th Majlis Belia Negeri Sembilan (MBNNS) - Tochigi-Ken Seinen Kaikan *Foundation* (TSKF), Japan *Youth Exchange*" Ke Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Muzium Negeri Sembilan.

8. Seramai 12 orang delegasi terdiri daripada pelajar dan pengiring daripada Jepun telah menyertai lawatan ini dipersembahkan dengan tarian Selamat Datang oleh penari daripada Majlis Bandaraya Seremban dan kemudian di bawa oleh kurator Muzium Negeri Sembilan melawat ke dalam galeri Muzium bagi mengenal sejarah dan budaya Negeri Sembilan. Delegasi turut dihidangkan dengan masakan *signature* Negeri Sembilan iaitu Masak Lemak Telur Itik dan Air Janda Pulang.
  
9. Turut hadir semasa kunjungan tersebut diadakan ialah En. Mohd Fairos bin Rusli Ahli Majlis MBS, Puan Azura bt Abu Hassan, Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan dan En. Hairulazmi bin Mohd Ali, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan MBS.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **MAJLIS PENYERAHAN PENTAS TETAP DI KG. BARU MAMBAU**

10. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk menambahbaik kemudahan infrastruktur di dalam kawasan Pentadbirannya. Kemudahan ini adalah untuk memudahkan penduduk setempat menjalani aktiviti komuniti bersama. Sehubungan dengan itu, pada 10 September 2024, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya bagi menandatangani dokumen dan menyerahkan kunci kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kg. Baru Mambau di Majlis Penyerahan Pentas Tetap di Kg. Baru Mambau.
11. Pihak JPKK yang diwakili oleh YB Tuan Yap Yew Weng ADUN Mambau telah menerima dokumen penyerahan dan kunci dewan tersebut. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kelulusan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

bagi pembinaan pentas melalui surat bertarikh 26 Julai 2023 dengan kelulusan peruntukan berjumlah RM280,000.00

12. Pentas berkeluasan 12m X 15.6m dilengkapi dengan 2 buah bilik persalinan telah siap sepenuhnya pada 21 Mac 2024 untuk kegunaan aktiviti komuniti setempat. Turut hadir ialah En. Ng Boon Leng, Ahli Majlis MBS dan En. Sabaruddin bin Sulaiman, Pengarah Kejuruteraan MBS.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*



Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBAIKAN TEBING  
JALAN DI JALAN S2 H20, PARK AVENUE, SEREMBAN 2  
ANTARA JABATAN KERAJAAN TEMPATAN,  
KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN  
KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

13. Pada 9 September 2024, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah hadir ke Majlis Penyerahan Projek Pembaikan Tebing Jalan Di Jalan S2 H20, Park Avenue, Seremban 2 Antara Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan kepada Majlis Bandaraya Seremban. Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya bagi menandatangani dokumen penyerahan tersebut.

14. Untuk makluman, pada 4 Disember 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima aduan berkenaan tanah runtuh berhampiran Jalan S2 H20, Park Avenue, Seremban 2. Seterusnya pada 5 Disember 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah segera ke lokasi bagi meninjau keadaan dan mendapati sebahagian cerun dengan anggaran tinggi 30 meter telah runtuh dan merosakkan pagar rumah penduduk.
15. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja darurat bagi memastikan cerun berada dalam keadaan stabil. Dalam pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Seremban telah memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi kerja-kerja pembaikan cerun berkenaan.
16. Berdasarkan surat bertarikh 2 Ogos 2023, peruntukan sebanyak RM1.69juta telah diluluskan oleh pihak KPKT bagi kerja-kerja pembaikan cerun ini dan Majlis Bandaraya Seremban telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan cerun ini secara kekal serta kerja pembaikan telah siap dilaksanakan pada 30 Jun 2024.

17. Turut hadir semasa Majlis berlangsung ialah YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah, En. Lee Kai Yet dan En. Chong Say Hoo Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, delegasi daripada JKT KPKT, Ketua Jabatan & Ketua Unit MBS dan Pengerusi KRT Park Avenue.
  
18. Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sering membantu di Majlis Bandaraya Seremban untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban menjadi lokasi yang lebih kondusif untuk didiami dan menampilkan persekitaran kehidupan yang sejahtera.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**BENGGEL PENYELARASAN DOKUMENTASI & PENGURUSAN RISIKO MS ISO 9001 : 2015 MBS**

19. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Penyelarsan Dokumentasi & Pengurusan Risiko MS ISO 9001 : 2015 MBS yang telah berlangsung selama 3 hari, bermula pada 9 hingga 11 September 2024 yang lalu. Seramai 44 orang peserta terdiri daripada jabatan dan unit MBS telah terlibat di dalam bengkel yang telah disampaikan oleh En Ahmad Tarmizi bin Mohamad daripada SIRIM Academy merupakan sebagai salah satu langkah persediaan dalam menghadapi Pengauditan Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2015 MBS pada tahun ini.
  
20. Melalui bengkel yang diadakan selama 3 hari mendapati pemakluman terbaharu mengenai Standard MS ISO 9001:2015 iaitu terdapat penambahan penerangan di klausa 4, di mana perubahan iklim diangkat sebagai risiko yang perlu dikemaskini di Pelan Pengurusan Risiko Jabatan dan Unit Majlis Bandaraya Seremban. Selain itu, Pelan Risiko akan dipantau melalui mesyuarat yang akan diadakan

setahun sekali di bahagian berdasarkan manual kualiti MBS di bahagian prosedur pengurusan risiko.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

21. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa menjaga kebajikan kakitangan dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti perubatan, bantuan kewangan, waktu fleksi kerja dan sebagainya. Selain daripada itu, pihak pengurusan telah mengadakan pertandingan Pekerja Contoh setiap bulan yang akan menerima wang tunai sebanyak RM200.00 dan setiap tahun pula, kakitangan akan diraikan dalam satu majlis iaitu Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) serta menerima wang tunai sebanyak RM1,000.00

22. Saya menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban melalui penganjuran Makan Malam Penghargaan bertempat di Klana Resort Seremban pada 20 September 2024. Majlis ini adalah untuk meraikan kakitangan yang telah menjadi tulang belakang dalam menaikkan nama Majlis Bandaraya Seremban dan mencapai pelbagai kejayaan walaupun usia MBS hanyalah setahun jagung. Saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang mewakili YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan hadir dan menyampaikan anugerah pada malam tersebut.
23. Saya meminta agar kakitangan Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha dan memperbaiki mutu perkhidmatan yang disampaikan kepada warga bandar raya supaya sasaran kita sebagai bandar raya pintar atau "*Smart City*" tercapai satu hari nanti. Saya meminta agar kekalkan momentum sedia ada dan saya berdoa semoga khidmat bakti yang dicurahkan akan terus berkembang dan mewangi kerana "*The Fragrance Always Remains In The Hand That Gives The Roses*".

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

**PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG &  
PENGUATKUASAAN**

24. Pengeluaran dan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan mulai 1 Januari 2024 sehingga 11 September 2024 adalah berjumlah RM8,302,567 melibatkan 47,257 bilangan kompaun yang telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,679 (20.5%) bilangan kompaun berbayar dengan jumlah RM1,141,721.00 (13.7%).
25. Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka mulai 1 Januari 2024 sehingga 11 September 2024 pula adalah sebanyak 269. Manakala sebanyak 6,177 pengeluaran kompaun telah dikeluarkan sepanjang tarikh tersebut. (ringkasan pengeluaran kompaun adalah seperti dipaparan).

<b>BIL</b>	<b>JENIS KOMPAUN</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Kompaun iklan	2,769
2.	Kompaun hiburan	44
3.	Kompaun rumahurut	49
4.	Kompaun rumah tumpangan	42
5.	Kompaun tred perniagaan	2,272
6.	Kompaun penjaja	1,001
<b>JUMLAH</b>		<b>6,177</b>

26. Saya meminta jabatan untuk menyemak lesen perniagaan di premis sedia ada terutamanya yang mempunyai jenama kukuh di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban seperti kedai makan, kedai bakeri, pejabat urusan dan pelbagai lagi di periksa semula. Majlis tidak harus memandang ringan dan terlepas pandang terhadap perniagaan yang berdiri kukuh tanpa menyemak status lesen, kebersihan dan lain-lain keperluan lain. Bak kata pepatah inggeris, *“Don’t judge a book by its cover”*. Banyak perniagaan berselindung di sebalik “nama” dan jenis perniagaan menggunakan jenama yang *“well established”* tapi sebenarnya tidak mematuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan seperti mempunyai lesen perniagaan yang sah. Oleh itu, jika warga bandar raya Seremban mempunyai sebarang maklumat atau aduan, boleh kemukakan kepada



Majlis Bandaraya Seremban melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MBS atau muat turun secara percuma Aplikasi Respon Rakyat.

*Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN UNIT PENDAKWAAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN**

27. Bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban, Majlis Bandaraya Seremban telah menambahbaik beberapa kaedah bagi mendekati dan memudahkan masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban. Untuk itu, Majlis melalui Unit Pendakwaan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah membuka Kaunter Bayaran Bergerak Sempena Program Harmoni Komuniti Madani anjuran JMB Pangsapuri Laman Villa, Taman Bandar Senawang pada 14 September 2024 yang lalu bertempat di Taman Bandar Senawang.

28. Semasa program berlangsung, Majlis telah berjaya mengutip sebanyak RM1,050.00 melalui pembukaan kaunter tersebut. Saya meminta supaya lebih banyak jabatan turun padang bagi mendekati masyarakat supaya tiada yang ketinggalan dalam mendapatkan perkhidmatan Majlis.

*Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **KURSUS *TEAM BUILDING* BAGI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

29. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus *Team Building* Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada 1 hingga 4 September 2024 bertempat di Royal Chulan, Cherating. Kursus ini melibatkan 28 orang Ketua Jabatan dan Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban diadakan untuk membantu membina komunikasi yang berkesan dan mewujudkan sikap tanggungjawab melalui kepimpinan dalam membuat keputusan berkumpulan. Selain itu, kursus ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dalam menjalankan tugas secara berpasukan dan meningkatkan

juga rasa tanggungjawab untuk mencapai terhadap sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak atasan.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN**

### **PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

30. Pada 30 Ogos 2024 yang lalu, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan tapak ke Medan Selera Taman Seri Mawar berikutan susulan daripada notis yang dikeluarkan bagi struktur tambahan tanpa kebenaran Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan. Semasa lawatan diadakan, turut hadir ialah YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy (ADUN Seremban Jaya), Puan Jamilah bt Said Ali (Ahli Majlis MBS), Tuan Setiausaha MBS dan pegawai-pegawai MBS.

31. Seterusnya pada tarikh yang sama (30 Ogos 2024), Jabatan telah mengadakan lawatan ke Dataran Lobak bagi mengenalpasti lokasi untuk penempatan MyKiosk. Turut hadir ialah YB Tuan Chew Seh Yong (ADUN Lobak), En. Ng Kin Wai (Ahli Majlis MBS) dan pegawai-pegawai MBS.
  
32. Selain itu, pada 3 September 2024, turut diadakan lawatan ke Tapak Penjaja Setempat Nilai 3 bagi menyantuni para peniaga dan seterusnya menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan di lokasi. Lawatan ini telah dihadiri oleh En. Thanabalan a/l Ramiah (Ahli Majlis MBS), En. Zahari bin Jamaluddin (Pengerusi Gabungan Peniaga Bumiputra Nilai 3) dan pegawai-pegawai MBS.

*Sumber : Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **SEMINAR PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN STRATA TAHUN 2024**

33. Majlis Bandaraya Seremban melalui Unit COB telah mengadakan Seminar Pembangunan dan Pengurusan Strata Tahun 2024 pada 22 Ogos 2024 bertempat di d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada pemain industri yang terlibat secara langsung dalam pembangunan, pengurusan dan penyenggaraan pemajuan berstrata.
  
34. Seramai 4 orang penceramah telah membentangkan kertas pembentangan iaitu :-
  - i. Pelaksanaan dan penentuan caj pemajuan di Majlis Bandaraya Seremban ;
  - ii. Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
  - iii. Pemfailan Kes Ke Tribunal / Tuntutan Ke Mahkamah ;
  - iv. Cabaran dan Isu Pengeluaran Hakmilik Strata

35. Saya mengucapkan terima kasih kepada 100 orang peserta yang telah menyertai seminar ini terdiri daripada pemaju, agensi swasta, JMB, MC dan Pihak Berkuasa Tempatan daripada seluruh Malaysia. Saya berharap seminar seperti ini akan diteruskan setiap tahun bagi memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat dan agensi berkaitan mengenai peraturan serta informasi berkaitan pembangunan strata.

*Sumber : Unit COB*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

36. Sementara itu, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban sehingga **22 September 2024**, adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM130.95Juta)

Prestasi = RM121.09Juta (78.6%)

- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggal (RM26.02Juta)  
Prestasi = RM13.76Juta (15.87%)
  
- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5Juta)  
Prestasi = RM124.56Juta (85.61%)
  
- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)  
Prestasi = RM184.16Juta (82.37%)
  
- (e) Belanja Mengurus (RM224.35Juta)  
Prestasi = RM149.78Juta (66.74%)
  
- (f) Belanja Pembangunan (RM15.01Juta)  
Prestasi = RM6.43Juta (42.83%)

Perbandingan bagi tahun 2023 pula, sehingga 24  
September 2023 :-

- (g) Cukai Taksiran  
Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)  
Prestasi = RM114.42Juta (79.62%)
- (h) Sasaran 30% Kutipan Tunggal (RM25.12Juta)  
Prestasi = RM15Juta (17.91%)
- (i) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)  
Prestasi = RM124.09Juta (87.33%)
- (j) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)  
Prestasi = RM182.65Juta (88.88%)
- (k) Belanja Mengurus (RM213.24Juta)  
Prestasi = RM146.81Juta (68.85%)
- (l) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)  
Prestasi = RM15.74Juta (21.72%)



37. Sehubungan dengan itu, saya meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit untuk membelanjakan peruntukan segera dan meningkatkan kutipan sedia ada bagi memenuhi aspirasi warga bandar raya Seremban yang sentiasa mahukan perubahan.

*Sumber : Jabatan Kewangan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

38. Bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Ogos 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 44,062 premis ;
  - ii. ULV 78,447 premis ;
  - iii. *larvaciding* 328 lokaliti ;
  - iv. *source reduction* 328 lokaliti ; dan
  - v. gotong-royong ke atas 102 taman ;

39. Selain daripada itu, sehingga 31 Ogos 2024, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 mencatatkan sebanyak 54 pengebumian. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 8 pengebumian manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula telah merekodkan sebanyak 9 pengebumian warganegara. Saya meminta kawasan tanah perkuburan sentiasa diselenggara dengan baik dan memastikan kemudahan infrastruktur berada dalam keadaan baik.
40. Satu Operasi Premis Bersih Bersepadu Bersama Agensi Luar Siri 2/2024 telah diadakan pada 28 Ogos 2024 di sekitar kawasan perniagaan S2 Heights, Seremban. Operasi pada kali ini melibatkan kekuatan anggota seramai 56 orang pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, 31 orang daripada Majlis Bandaraya Seremban, 2 orang daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan 4 orang daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan (KPDNHEP).

41. Sebanyak 16 buah premis telah diperiksa dengan 41 notis dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004) manakala kompaun yang telah dikeluarkan oleh MBS adalah sebanyak 23 tawaran kompaun dan KPDNHEP adalah sebanyak 1 tawaran kompaun.
  
42. YBrs. Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) telah mengadakan lawatan ke *Drive Thru Recycle Centre* (DTRC) Majlis Bandaraya Seremban pada 10 September 2024 bertempat di Pusat Pandu Lalu KITARecycle MBS. Lawatan tersebut adalah bersempena lawatan rasmi beliau ke negeri yang menerima pakai Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007).
  
43. Jabatan Kesihatan Persekitaran telah menerima lawatan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 10 September 2024 bagi membincangkan dan mendapatkan maklumat berkaitan sistem pengurusan tanah perkuburan Islam (ePusara) yang digunakan oleh MBS. Seramai 12 orang pegawai dan kakitangan MBJB telah hadir dalam lawatan yang diketuai oleh En. Noryadi bin Muhammad,

Ketua Penolong Pengarah Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan Pembangunan MBB. Turut hadir semasa perbincangan ini diadakan ialah wakil daripada Jabatan Perancangan Pembangunan MBS, Jabatan Penyelenggaraan MBS dan wakil vendor yang membangunkan sistem ePusara mbs iaitu Zeta Integrated Solution Sdn Bhd.

*Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutaran*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

44. Semenjak penubuhan Unit Integriti Majlis Bandaraya Seremban pada tahun 2020, Majlis Bandaraya Seremban telah diberikan penarafan agensi "Berisiko Sederhana" oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sehubungan dengan itu, suka untuk saya ingatkan kepada Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS agar dapat memainkan peranan masing-masing supaya memantau kakitangan bawahan dalam usaha memerangi gejala rasuah di dalam jabatan khususnya dan organisasi amnya.

45. Bagi kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, perlulah dilaporkan seberapa segera yang mungkin kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Peruntukan Peraturan 25 tersebut menyatakan bahawa “

“Peraturan 25, Prosedur dalam hak ketidakhadiran tanpa cuti”

(1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatannya hendaklah, seberapa segera yang mungkin, melaporkan hakikat itu beserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.

46. Sehubungan dengan itu, saya meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit mengambil perhatian serius terhadap perkara ini serta mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur dalam menguruskan kes tatatertib dan rayuan tatatertib selaras dengan prinsip keadilan asasi serta mematuhi prosedur dan peraturan yang digariskan.

*Sumber : Unit Integriti*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

47. Selaras dengan hasrat Majlis Bandaraya Seremban menjadikan bandar raya Pintar atau "*Smart City*" menjelang tahun 2027, melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah mengadakan Bengkel Caj Pemajuan dan Simulasi Kadar Penilaian Semula pada 8 hingga 10 September 2024 bertempat di Holiday Inn Express and Suites Johor Bahru.

48. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada warga kerja Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBS telah menyertai kursus ini bagi memberi pendedahan kepada peserta berhubung pengenalan Caj Pemajuan dan Pengenalan Simulasi Kadar Penilaian Semula. Selain itu, objektif kursus ini adalah untuk mempelajari bagaimana kaedah Caj Pemajuan dan penetapan Kadar Penilaian Semula yang digunakan, penilaian semula, konsep dan kaedah yang digunakan di PBT lain.

*Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PROGRAM *COMMUNITY EMPOWERMENT* ANJURAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN DAN AADK DAERAH SEREMBAN**

49. Selaras dengan objektif Majlis Bandaraya Seremban sebagai sebuah bandar raya "*Smart City*", Majlis Bandaraya Seremban turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain bagi memastikan warga bandar raya Seremban mendapat pelbagai manfaat dan selesa serta selamat berada dalam komuniti setempat. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan telah bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sembilan mengadakan Program *Community Empowerment* pada 21 September 2024 di Klana Resort, Seremban.



50. Program ini telah mendapat penyertaan seramai 85 orang terdiri daripada JPKK, KRT, Pengerusi Masjid, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan PEMADAM di Daerah Seremban. Matlamat program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kepada *trend* permasalahan yang berlaku dan usaha untuk memperkasa pemimpin-pemimpin masyarakat dalam membanteras isu *scammer* dan bahana dadah dalam komuniti setempat.
51. Selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara yang menekankan reformasi perkhidmatan awam untuk tidak bergerak secara 'silo' tetapi menerapkan konsep "*whole-of-government*" yang menjurus kepada integrasi antara jabatan, maka program ini turut melibatkan agensi PDRM, AADK, JHEINS, PDTNS, JKM, JPNIN dan PEMADAM. Saya telah meminta Tn. Mas Midyawan Bin Yahya, Setiausaha, MBS bagi mewakili saya dan turut hadir semasa program diadakan ialah Tn. Hj. Zainal Bin Ismail, Ahli Majlis MBS, Pn. Sarizah Binti Sis, Ketua AADK Daerah Seremban, Ketua-Ketua Jabatan MBS dan wakil agensi serta pegawai dan kakitangan MBS.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **HARI BERTEMU PELANGGAN**

52. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada warga bandar raya. Pelbagai program telah dirangka bagi mendekatkan MBS dan warga bandar raya Seremban untuk memudahkan warga bandar raya Seremban berurusan dan bertemu secara fizikal bersama dengan MBS. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban akan mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan pada 12 Oktober 2024 (Sabtu) bertempat di Kipmall Lavender Height, Senawang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 3.30 petang. Pelbagai tawaran dan kaunter terdiri daripada jabatan dalaman dan rakan agensi luar turut membuka kaunter pada hari berkenaan.

53. Objektif Program Hari Bertemu Pelanggan adalah untuk memberi peluang kepada pemegang taruh Majlis Bandaraya Seremban untuk mengemukakan cadangan, pertanyaan atau aduan terus kepada Majlis Bandaraya Seremban pada hari tersebut. Saya menjemput seluruh warga bandar raya Seremban yang mengikuti mesyuarat pada hari ini secara atas talian dan ahli mesyuarat untuk turut hadir menjayakan program pada hari tersebut.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **BENGGKEL PELAN STRATEGIK 2026 – 2030**

54. Majlis Bandaraya Seremban telah menyediakan Pelan Strategik 2021 – 2025 bagi mencapai hala tuju bandar raya iaitu “Menjadikan Seremban sebuah bandaraya pintar yang mampan, bersih dan berdaya maju dengan menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera”. MBS telah merangka teras strategik dan rangkaian strategik utama serta strategi

sokongan agar pelaksanaan strategi, program yang dirancang itu tepat dan menuju kepada sasaran serta perubahan yang diharapkan.

55. Sehubungan dengan itu, bagi memperbaharui Pelan Strategik menjelang tahun 2026-2030, satu bengkel akan diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2024 bertempat di Hotel Royal Chulan Seremban melibatkan pihak pengurusan Majlis Bandaraya Seremban.
56. Kejayaan dalam melaksanakan Pelan Tindakan yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Seremban amat memerlukan sokongan padu daripada semua pihak terutamanya pihak berkepentingan antara agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan profesional. Saya berharap semua pihak dapat memberi kerjasama yang baik bagi memastikan Pelan Strategik seterusnya adalah pelan yang komprehensif sejajar dengan matlamat SDG dan ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus).

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

**PERTANDINGAN GOLDEN RUNNER CIRCUIT  
BANDARAYA SEREMBAN 2024**

57. Pada 22 September 2024, bertempat di Padang NS Jalan Yamtuan, Seremban telah berlangsung dengan jayanya kemuncak Pertandingan Golden Runner Circuit (Sirkuit Pelari Emas) Bandaraya Seremban 2024. Pertandingan ini telah berjaya menggabungkan 3 acara larian separa marathon (half-marathon) yang dianjurkan oleh 3 pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu :

- i. IJM Half Marathon : 11 Ogos 2024 ;  
(Penganjur IJM Land Bhd)
- ii. Matrix Merdeka Night Half Marathon : 15 Sept 2024 ;  
(Penganjur Matrix Concept Holdings Bhd)
- iii. Seremban Half marathon : 22 Sept 2024  
(Penganjur Antah Healthcare Group)

58. Penutup Pertandingan Golden Runner Circuit Seremban 2024 berakhir pada 22 September 2024 telah menyaksikan MBS menabalkan 4 orang pemenang acara larian separa marathon bagi 21 kilometer dengan membawa pulang hadiah berupa kepingan emas (999.9) seberat 20 gram setiap orang. Nilai pasaran setiap hadiah tersebut dianggarkan bernilai RM7,500.00
59. Pertandingan ini adalah dalam usaha bagi mencari pelari terbaik yang mencatatkan masa larian terkumpul terpantas bagi ketiga-tiga acara half-marathon mengikut kategori :
- i. Lelaki Terbuka ;
  - ii. Lelaki Veteran ;
  - iii. Wanita Terbuka ; dan
  - iv. Wanita Veteran.
60. Tahniah diucapkan kepada pemenang yang telah bersama-sama menyokong usaha MBS untuk memakmurkan dan memeriahkan lagi kalendar sukan larian tahun ini iaitu :-

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>MASA</b>
1.	En. Thanesh Sivam	Johan Kategori Lelaki Terbuka	4 jam 19 minit 30 saat – masa keseluruhan
2.	Pn. Liew Pui Mun	Johan Kategori Wanita Terbuka	7 jam 29 minit 23 saat – masa keseluruhan
3.	En. Mohamad Nizam bin Ahmad	Johan Kategori Lelaki Veteran	4 jam 2 minit 24 saat – masa keseluruhan
4.	Pn. Siew Hui Thin	Johan Kategori Wanita Veteran	5 jam 12 minit 46 saat – masa keseluruhan

61. Saya juga mewakili seluruh warga bandar raya Seremban mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga penganjur di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam memastikan acara ini berlangsung dengan jayanya.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

**KURSUS ASAS PENGURUSAN BENCANA ANJURAN  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN DENGAN  
KERJASAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
NEGERI SEMBILAN**

62. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus Asas Pengurusan Bencana Anjuran Majlis Bandaraya Seremban Dengan Kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan di Dewan Apartment Kalista 1, Seremban 2. Tuan Mas Midyawan bin Yahya, telah mewakili saya bagi menyempurnakan majlis perasmian penutup yang telah diadakan pada 24 September 2024. Kursus ini diadakan untuk memastikan teori asas dan kemahiran pihak pengurusan JMB / MC cakna mengenai kepentingan serta peranan pihak pengurusan menghadapi bencana yang berlaku di kawasan berstrata.



63. Seramai 50 orang peserta telah menyertai kursus ini dengan penglibatan 27 JMB / MC di sekitar kawasan Pentadbiran MBS. Tanggungjawab Korporat Sosial atau CSR MBS sangat penting dalam membangunkan masyarakat yang sentiasa bersiap siaga dalam menjalankan misi keselamatan secara kolektif bersama pihak dan agensi lain. Turut hadir semasa majlis diadakan ialah Tuan Hamlan bin Ishak (wakil Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan), Cik Sr. Fatin Hamizah bt Shaari (Ketua Unit COB MBS) dan pegawai serta kakitangan MBS serta pihak Bomba Seremban.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Penyelamat*

## **PENUTUP**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

64. Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini merupakan sambutan yang sangat istimewa memandangkan ianya jatuh pada sambutan Maulidur Rasul. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan 1446H/2024M pada 16 September 2024 yang lalu bertempat di Padang Majlis Bandaraya Seremban, Jalan Yamtuan. Perarakan ini disertai oleh 70 kontinjen melibatkan 5,000 peserta dan petugas terdiri daripada agensi swasta, kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Swasta (IPTA dan IPTS) serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Tema bagi sambutan tahun ini adalah "Al-Falah Pemaju Malaysia MADANI".

65. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban melalui Badan Kebajikan Islam Majlis Bandaraya Seremban (BAKI) turut mengadakan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat MBS pada 20 September 2024 di Wisma MBS. Bersempena sambutan ini juga, satu Program Ceramah bertajuk “Mahabbah Rasul” telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Zaki”.
66. Sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun perlu dijadikan asas untuk memperingati, menghayati dan memahami sejarah penubuhan Persekutuan Malaysia demi mengekalkan Malaysia sebagai negara berdaulat. Sehubungan dengan itu, saya meminta supaya warga bandar raya Seremban dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa mempunyai semangat kemerdekaan yang dibawa menerusi pembentukan Malaysia melalui penggabungan Sabah, Sarawak dan Tanah Melayu, 61 tahun yang lalu.

67. Saya juga meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa fleksibel, relevan dan kontekstual ke arah budaya menghasilkan warga kerja yang berdaya tahan. Segala potensi, tugas dan amanah yang disandang perlu mencakupi budaya berdaya saing peringkat global untuk memberikan nilai terbaik kepada warga bandar raya Seremban.
68. Akhir kata, saya mendoakan usaha dan impian kita bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*” akan dipermudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
25 SEPTEMBER 2024**